

Analisis Hukum *Aṣaḥ Wa Aḥsan* Menurut Imam al-Tirmidhi dalam *Kitāb Jāmi' al-Tirmidhi* untuk Penentuan Hukum Hadith

Eddyanto Bin Sutijo¹, Ahamad Asmadi bin Sakat² & Latifah Binti Abdul Majid³

Email : abusoreemalmatanji@gmail.com¹, aas@ukm.edu.my² & umilm@ukm.edu.my³

¹Calon Sarjana di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

^{2&3} Pensyarah di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

Abstrak

Kitāb Jāmi' al-Tirmidhi merupakan karya agong yang telah dihasilkan oleh al-Imam Muḥammad bin ʿĪsā bin Sawrah bin Mūsā bin Daḥḥak, 'Abū ʿĪsā al-Sulami al-Darir al-Bughi al-Tirmidhi. Beliau merupakan ulama pertama yang mempelopori penggunaan istilah '*Aṣaḥ wa Aḥsan*'. Kajian ini dibuat bagi mengenal pasti kaedah istilah '*Aṣaḥ wa Aḥsan*' yang digunakan oleh *al-Imām al-Tirmidhi* adalah untuk menghukum sesuatu hadith yang kadangkala agak sukar untuk dikenal pasti sama ada hadith itu bertaraf *Ṣaḥīḥ* atau *Ḥasan* atau *Ḍa'if*. Kecuali hadith yang didatangkan oleh beliau kedua-duanya adalah *Ṣaḥīḥ* yang dinyatakan secara jelas dan beliau akan menentukan di antara dua hadith tersebut, manakah yang dihukumkan '*Aṣaḥ wa Aḥsan*' di sisi beliau sebagai hujah dalam sesuatu bab. Metode analisis yang digunakan ialah metode analisis kandungan dan mengambil reka bentuk kajian kualitatif. Oleh itu, dengan menganalisis hadith yang dihukumkan melalui istilah ini, dapat membantu para pelajar, pengkaji dan masyarakat yang kurang atau tidak memahami kaedah '*Aṣaḥ wa Aḥsan*' Imām al-Tirmidhi. Kajian mendapati hadith yang dihukumkan '*Aṣaḥ wa Aḥsan*' di sisi Imam al-Tirmidhi adalah bermaksud samada perbandingan *Ṣaḥīḥ* dengan *Ṣaḥīḥ* atau *Ḥasan* dengan *Ḥasan* atau *Ḍa'if* dengan *Ḍa'if* adalah untuk menyatakan bahawa hadith yang dihukumkan dengan istilah tersebut adalah menjadi hujah di sisi Imam al-Tirmidhi dalam sesuatu bab.

Kata Kunci: *Kitāb Jāmi' al-Tirmidhi*, *Istilah Hukum Hadith al-Tirmidhi*, '*Aṣaḥ wa Aḥsan*', *Tematik hadith 'Aṣaḥ wa Aḥsan*.

The Analysis of '*Aṣaḥ Wa Aḥsan*' Law as According to Imam al-Tirmidhi in *Jāmi' Al-Tirmidhi* for The Determination of Hadith Laws

Abstract

Kitāb Jāmi' al-Tirmidhi is the masterpiece produced by al-Imam Muḥammad bin ʿĪsā bin Sawrah bin Mūsā bin Daḥḥak, 'Abū ʿĪsā al-Sulami al-Darir al-Bughi al-Tirmidhi. He was the first scholar to pioneer the use of the term '*Aṣaḥ wa Aḥsan*'. This study was made to identify the term '*Aṣaḥ wa Aḥsan*' used by al-Imām al-Tirmidhi to identify a hadith which is sometimes difficult to identify whether the hadith is *Ṣaḥīḥ* or *Ḥasan* or *Ḍa'if*. Unless the hadiths brought by him are both *Ṣaḥīḥ* which are clearly stated and he will determine between the two hadiths, which is penalized '*Aṣaḥ wa Aḥsan*' on his side as an argument in a chapter. The analysis method used is the content analysis method and qualitative studies. Therefore, the benefit of analyzing the hadith by this term, can help students, scholars and people who are unfamiliar with the method '*Aṣaḥ wa Aḥsan*' by Imām al-Tirmidhi. The study found that the hadith which was identified by '*Aṣaḥ wa Aḥsan*' in the side of Imam al-Tirmidhi means either the comparison of *Ṣaḥīḥ* with *Ṣaḥīḥ* or *Ḥasan* with *Ḥasan* or *Ḍa'if* with *Ḍa'if* is to state that the hadith which is condemned by the term is an argument in the side of Imam al-Tirmidhi in a chapter.

Keywords: *Kitāb Jāmi' al-Tirmidhi*, *Law of Hadith al-Tirmidhi*, '*Aṣaḥ wa Aḥsan*', *Types of hadith 'Aṣaḥ wa Aḥsan*.

1. Pengenalan

Kitāb Jāmi' al-Tirmidhi, kita akan dapati beliau tidak mensyaratkan untuk meletakkan hadith-hadith *ṣaḥīḥ* sahaja sepertimana al-Imām al-Bukhārī dan al-Imām Muslim yang mana keduanya telah mensyaratkan hanya untuk meriwayatkan hadith-hadith yang *ṣaḥīḥ* sahaja dalam *ṣaḥīḥain*. Adapun al-Imam al-Tirmidhi, beliau

menghimpunkan atau meriwayatkan kesemua jenis hadith dalam kitab sunannya. Kesemua hadith yang telah diriwayatkan oleh beliau dalam sunannya, tidaklah beliau berdiam diri atau memadai dengan meriwayatkan sesuatu hadith itu begitu sahaja bahkan tidak berkecuali dalam *mentashīh*, *mentahsīn* dan *mentaḍīfkan* hadith-hadith. Terkadang kaedah yang dipersembahkan oleh beliau menjadi kesukaran kepada orang awam yang tidak menguasai metode Imam al-Tirmidhi secara kukuh kerana nilai karya beliau amatlah tinggi sehingga diiktiraf oleh al-Imām al-Bukhārī. Antara contoh yang akan diutarakan di sini ialah perbincangan metode al-Imām al-Tirmidhi dalam penggunaan istilah '*aṣaḥ wa 'aḥsan*', perbincangan *muhaddithīn* berkenaan istilah '*Aṣaḥ wa 'Aḥsan*' al-Tirmidhi dan jenis-jenis hadith '*Aṣaḥ wa 'Aḥsan*' dalam *Jāmi' al-Tirmidhi*. Ini menunjukkan bahawa *Kitāb Jāmi' al-Tirmidhi* ini memiliki nilai ilmiah yang tinggi. Sehingga *Kitāb al-Jāmi'* ini telah mendapat pengiktirafan dalam kalangan *muhaddithīn* termasuklah guru besar beliau iaitu al-Imām al-Bukhārī. Ini kerana *Kitāb al-Jāmi'* telah mempelopori penggunaan istilah-istilah baru dalam menentukan hukum sesuatu hadith yang diriwayatkan oleh beliau dan menjadikan kitab beliau lebih mendahului atau ke hadapan berbanding dengan kitab-kitab sunan lainnya seperti *Kitāb Sunan 'Abū Dāwūd*, *Sunan 'Ibn Mājah*, serta *Sunan al-Nasā'ī*. Perbincangan berkenaan istilah-istilah hukum hadith dalam *Kitāb al-Jāmi'* sentiasa menjadi perbincangan utama di kalangan *muhaddithīn* sehinggalah ke hari ini terutama di kalangan pengkaji hadith khususnya *Kitāb al-Jāmi'*. Istilah-istilah tersebut menjadi topik utama perbincangan kerana bagi menentukan sesuatu darjat hadith. Lebih-lebih lagi istilah '*Aṣaḥ wa 'Aḥsan*' yang agak sukar untuk difahami sepertimana penekanan yang dinyatakan oleh (Ahamad Asmadi Sakat 1998) dalam tesis beliau *Metodologi al-Imam al-Turmidhi dalam Kitab Sunannya Perbandingan dengan Metodologi Sunan Ibn Majah*.

2. Latar Belakang Istilah Hukum Hadith *Kitāb al-Jāmi' al-Tirmidhi*

Seperti mana yang pernah dijelaskan oleh (Ahamad Asmadi Bin Sakat 1998) pembahagian hadith-hadith *Kitāb al-Jāmi'* telah dibahagikan oleh ulama hadith kepada empat bahagian. Pembahagian yang dimaksudkan iaitu hadith yang dihukumkan *Ṣaḥīḥ* secara pasti. Iaitu hadith yang menepati syarat al-Imām al-Bukhārī dan al-Imām Muslim. Seterusnya, hadith yang mengikut syarat Imam Abū Dāwūd dan Imam al-Nasā'ī serta hadith yang diutarakan atas tujuan *al-Diddīyah* dalam permasalahan *khilāf*, yang mana al-Imām al-Tirmidhi mengemukakan dalil mazhab yang lebih *rājih* serta mengemukakan dalil mazhab yang menyalahi dengan pendapat sebelumnya. Selepas al-Imām al-Tirmidhi melakukan perbandingan antara keduanya barulah beliau menyebut *'illal* hadith yakni hadith-hadith yang diutarakan oleh sebahagian *Fuqahā'* sebagai hujjah.

Daripada pembahagian hadith yang telah dibahagikan oleh para *muhaddithīn* tadi, kesemua jenis hadith tersebut asalnya telah dibahagikan oleh al-Imām al-Tirmidhi kepada tiga bahagian samada hadith itu diterima atau ditolak iaitu *ṣaḥīḥ*, *ḥasan* dan *gharīb*. Menurut kajian sebelum ini termasuk (Ahamad Asmadi Bin Sakat 1998) istilah hukum hadith yang paling banyak terdapat dalam *Kitāb al-Jāmi'* dan juga di kalangan ulama hadith ialah istilah hukum hadith *ḥasan* dan *gharīb*. Istilah hukum hadith dalam *Kitāb Jāmi'* akan diletak atau ditulis oleh al-Imām al-Tirmidhi selepas menyatakan matan sesuatu hadith.

Istilah-istilah hukum hadith yang digunakan oleh al-Imām al-Tirmidhi ialah menggabungkan istilah-istilah hukum hadith tersebut dan tidak masyhur penggunaannya di kalangan ulama hadith yang lain. Istilah gabungan itu biasanya diketahui dan diaplikasikan oleh guru-guru al-Imām al-Tirmidhi. Sebelum kita memahami istilah gabungan tersebut, kita juga perlu memahami istilah hukum hadith itu menurut syarat yang ditetapkan oleh al-Imām al-Tirmidhi.

Istilah Hukum Hadith secara Gabungan merupakan kelebihan *Kitāb Jāmi' al-Tirmidhi* dan beliau turut menampilkan beberapa kaedah penggunaan istilah gabungan dalam menghukumkan sesuatu hadith. Ini menjadikan setiap pembaca *Kitāb Jāmi' al-Tirmidhi* mestilah menguasai manhaj al-Imām al-Tirmidhi untuk memahami istilah-istilah tersebut. Antara istilah-istilah gabungan yang terdapat dalam *Kitāb Jāmi' al-Tirmidhi* :

- a. *Ṣaḥīḥ* lagi *Gharīb* صحيح غريب istilah hukum yang menunjukkan hadith itu terhimpun padanya hukum *ṣaḥīḥ* dan *gharīb* (hadith itu diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja). Hadith *Gharīb* yang terdapat dalam *Sunan al-Tirmidhi* itu terkadang ianya dihukumkan *ṣaḥīḥ* atau *da'if*.
- b. *Ḥasan* lagi *Ṣaḥīḥ* حسن صحيح istilah hukum yang menunjukkan matan hadith tersebut juga ada pada sanad-sanad yang lain atau bermaksud hadith itu diriwayatkan bukanlah hanya melalui satu jalan sanadnya bahkan berbilang-bilang sanadnya sehingga kedudukan hadith itu terangkat menjadi hadith *ṣaḥīḥ*. Dihimpunkan kedua istilah ini oleh al-Imām al-Tirmidhi kerana untuk menjelaskan hadith yang

diriwayatkan itu tidak termasuk dalam kumpulan hadith *gharīb*.

- c. *Ḥasan* lagi *Gharīb* حسن غريب istilah yang menunjukkan hadith itu terdapat pada sanad dan matannya *gharīb*, iaitu jalan periwayatannya hanya satu sanad sahaja dan telah dihukumkan oleh al-Imām al-Tirmidhi sebagai *ḥasan li dhātih*.
- d. *Ḥasan* lagi *Gharīb* lagi *Ṣaḥīḥ* صحيح غريب istilah yang menunjukkan hadith itu bahawa sanadnya *gharīb* dan ianya menjadi *hasan* kerana terdapat periwayatan daripada sanad yang masyhur bahkan ada periwayatan yang menceritakan matan yang sama dihukumkan *ṣaḥīḥ*.

3. Perbincangan Istilah ‘*Aṣaḥ Wa ‘Aḥsan* dalam *Jāmi‘ al-Tirmidhi*.

Istilah hukum hadith ini agak sukar untuk kita fahami maksud sebenar pengarang sama ada hadith tersebut darjatnya *ṣaḥīḥ* atau *ḥasan* atau *ḍa‘īf*. Adalah lebih baik kita melihat maksud sebenar al-Imām al-Tirmidhi dalam menggunakan istilah hukum ini melalui penerangan ulama yang mengkaji istilah hukum hadith ini.

Antara *muhaddithīn* yang menerangkan istilah hukum hadith ini ialah al-Imām al-Suyūṭī dengan menaqqalkan kata al-Imām al-Nawawī dalam *Kitāb al-Adhkār* dengan menyebut :

وقال المصنف في الأذكار : لا يلزم من هذه العبارة صحة الحديث , فإنهم يقولون : هذا أصح ما جاء في الباب, وإن كان ضعيفا , ومرادهم : أرجحه أو أقله ضعفا.

Bermaksud :

Dan telah berkata pengarang (al-Imām al-Nawawī) : Kebiasaannya hadith yang didatangkan itu bukannya hadith *ṣaḥīḥ*, Maka sesungguhnya mereka berkata : Ini adalah hadith yang paling ‘*aṣaḥ*’ yang didatangkan dalam bab, dan sekiranya hadith tersebut *ḍa‘īf*, yakni bermaksud hadith itu adalah yang kuat di antara hadith lemah yang lainnya ataupun yang paling kurang cacat berbanding lainnya.

Mubārakfūrī juga menerangkan dalam muqaddimah kitabnya *Tuḥfat al-‘Aḥwadhī Bi Sharḥi Jāmi‘ al-Tirmidhi* dengan menyebut tidak semestinya hadith yang dihukumkan sebagai ‘*aṣaḥ wa ‘aḥsan*’ yang warid dalam sesuatu bab itu sebagai hadith *ṣaḥīḥ*. Hadith itu bermakna lebih ‘*aṣaḥ*’ berbanding hadith-hadith yang lainnya. Bahkan hadith tersebut lebih kuat berbanding dengan hadith-hadith lainnya dalam bab ini. Tidak kira sama ada hadith yang warid dalam bab tersebut hadith *ṣaḥīḥ* atau *ḍa‘īf*. Sekiranya hadith yang warid dalam bab itu semuanya hadith *ṣaḥīḥ* maka hadith itu adalah lebih *rājih* atau ‘*arjah*’ dalam kesahihannya di antara hadith *ṣaḥīḥ* yang lainnya. Adapun sekiranya semua hadith itu *ḍa‘īf* maka hadith itu adalah yang kurang keḍa‘īfannya atau kurang kecacatannya berbanding dengan hadith *ḍa‘īf* yang lainnya dalam bab tersebut.

Berdasarkan penerangan *muhaddithīn* dalam mendefinisikan makna ‘*aṣaḥ wa ‘aḥsan*’, istilah hukum ini adalah bukan sebagai penentuan status sesuatu hadith dari keṣaḥīḥan atau keḍa‘īfannya. Al-Imām al-Tirmidhi menggunakan istilah ini adalah untuk menyatakan sesuatu hadith itu terdapat beberapa jalan periwayatan lain. Maka al-Imām al-Tirmidhi membuat penilaian di antara semua jalan riwayat itu samada hadith itu bertaraf *ṣaḥīḥ* atau *ḥasan* atau *ḍa‘īf*, manakah antara semua jalan periwayatan yang dihipunkan itu adalah lebih ‘*aṣaḥ wa ‘aḥsan*’. Di sini juga al-Imām al-Tirmidhi telah melakukan tambah nilai yang baru dalam membantu menguatkan hujjah *fuqahā*’ dalam menentukan sesuatu hukum.

4. Analisis hadith ‘*Aṣaḥ wa ‘Aḥsan* Kitāb *Jāmi‘ al-Tirmidhi*

a. Hadith yang dihukumkan ‘*aṣaḥ*’ dan ‘*aḥsan*’ di antara *Ṣaḥīḥ Lidhātih* dengan *Ṣaḥīḥ Lidhātih* seperti berikut :

حَدَّثَنَا هَنَّادٌ وَقُتَيْبَةُ وَأَبُو كُرَيْبٍ, قَالُوا : حَدَّثَنَا وَكَيْعٌ عَنِ الْأَعْمَشِ قَالَ : سَمِعْتُ مُجَاهِدًا يُحَدِّثُ عَن طَاوُوسٍ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ : أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ قَبْرَيْنِ , فَقَالَ : إِنَّهُمَا يُعَذَّبَانِ , وَمَا يُعَذَّبَانِ فِي كَيْبٍ : أَمَا هَذَا فَكَانَ لَا يَسْتَتِرُ مِنْ بَوْلِهِ , وَأَمَا هَذَا فَكَانَ يَمْشِي بِالْتَّمِيمَةِ

Bermaksud :

Telah menceritakan pada kami oleh Hannād dan Qutaybah dan Abū Kuraib mereka telah berkata : Telah menceritakan pada kami oleh Wakī‘ dari al-A‘mash dia telah berkata : Aku telah mendengar Mujāhid menceritakan dari Ṭāwūs dari Ibn ‘Abbās : Sesungguhnya Nabi saw telah melalui pada dua kubur, lalu bersabda : Sesungguhnya kedua mereka itu sedang diazab, adapun kedua mereka itu bukanlah diazab kerana dosa besar. Adapun seorang diazab kerana tidak berlindung diri ketika buang

air kecil dan adapun seorang pula ketika dia berjalan suka mengadu domba.

Hadith ini diriwayatkan dalam *'Abwāb al-Taḥārah*, bab mengeraskan pada buang air kecil. Hadith ini menjadi dalil di sisi ulama fiqh menceritakan peri pentingnya menjaga adab ketika buang air kecil dan memastikan kita menjaga kebersihan ketika kencing kerana dalam riwayat ini Nabi saw menyatakan seorang laki-laki diazab dalam kubur kerana tidak melidung diri dari terkena air kencing. Sedangkan perkara itu tidaklah termasuk dalam dosa-dosa besar. Hadith ini adalah hadith *Ḥasan Ṣaḥīḥ*.

(Al-Mubārakfūriy 1283H/1866M) 'Abū 'Īsā menceritakan hadith ini turut diriwayatkan oleh Manṣūr iaitu Ibn al-Mu'tamir yang mana beliau meriwayatkannya terus dari Mujāhid dari Ibn 'Abbās. Manṣūr tidak menyatakan dalam riwayatnya seorang lagi *Rāwiy* iaitu dari Ṭāwūs. 'Abū 'Īsā juga menyebut diantara kedua riwayat ini, riwayat al-'A'mash adalah lebih *'aṣaḥ*. Mubārakfūriy juga telah mentakhrijkan hadith ini bagi menerangkan istilah hukum *Ḥasan Ṣaḥīḥ* pada hadith, yang mana hadith ini turut diriwayatkan oleh Bukhāri, Muslim, 'Abū Dawūd, al-Nasā'iy dan Ibn Mājāh.

(Al-Mubārakfūriy 1283H/1866M) Al-Imām al-Tirmidhi menyatakan hadith yang diriwayatkan oleh al-'A'mash adalah lebih *'aṣaḥ* berbanding riwayat Manṣūr iaitu Ibn al-Mu'tamir ini kerana riwayat beliau tidak terdapat Ṭāwūs diantara Mujāhid dan Ibn 'Abbās. al-Imām al-Tirmidhi menerangkan beliau telah mendengar riwayat ini dari 'Abī Bakr Muḥammad Ibn 'Abān sehingga akhirnya.

(Al-Mubārakfūriy 1283H/1866M) menerangkan bahawa hadith ini juga telah diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhāriy dalam *Ṣaḥīḥnya* melalui dua jalan periwayatan. Mubārakfūriy menjelaskan dengan menaqqalkan hujjah Ibn Ḥajar dalam kitab *Fath al-Bāri* bahawa kedua-dua jalan periwayatan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*. *Ibn Ḥajar* menyatakan bahawa jalan pertama periwayatan hadith ini, Mujāhid mendengar dari Ṭāwūs dari Ibn 'Abbās kemudian jalan periwayatan kedua Mujāhid mendengar terus dari Ibn 'Abbās tanpa melalui Ṭāwūs sebagai perantaraan. Turut dijelaskan juga oleh Ibn Hibbān bahawa kedua-dua jalan periwayatan hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* dan berkata al-Imām al-Tirmidhi riwayat al-'A'mash adalah lebih *'aṣaḥ* berbanding riwayat Manṣūr. al-Imām al-Tirmidhi berpegang bahawa riwayat al-'A'mash adalah lebih *'aṣaḥ*, dalam *Ḥalalnya* beliau menyebut “ Aku pernah bertanya kepada Muḥammad Bin Ismā'īl al-Bukhāriy yang manakah lebih *'Aṣaḥ* diantara dua jalan periwayatan ini? Lalu al-Imām al-Bukhāriy menjawab riwayat al-'A'mash adalah lebih *'aṣaḥ*.”

Maka dapatlah kita fahami kenapa al-Imām al-Tirmidhi bertegas menyatakan riwayat al-'A'mash sebagai lebih *'aṣaḥ* berbanding riwayat Manṣūr kerana berpegang dengan hujjah gurunya al-Imām al-Bukhāriy yang meyakini bahawa riwayat al-'A'mash adalah lebih *'aṣaḥ*.

b. Hadith yang dihukumkan *'aṣaḥ* dan *'aḥsan* di antara *Ṣaḥīḥ Lighayrih* dengan *Ṣaḥīḥ Lighayrih* seperti berikut :

حَدَّثَنَا أَبُو كُرَيْبٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ بَنِي سُلَيْمَانَ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَمْرٍو، عَنْ أَبِي سَلَمَةَ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَوْ لَا أَنْ شَقَّ عَلَى أُمَّتِي لِأَمْرَتُهُمْ بِالسُّبُوكِ عِنْدَ كُلِّ صَلَاةٍ

Bermaksud :

Telah menceritakan kepada kami oleh 'Abū Kurayb, telah menceritakan kepada kami oleh 'Abdah bin Sulaimān, dari Muḥammad bin 'Amrū, dari 'Abī Salamah, dari 'Abī Hurairah telah berkata : Telah bersabda Nabi saw : Kalaulah tidak menjadi bebanan ke atas ummatku pastinya akan aku perintahkan mereka untuk bersiwak pada setiap waktu solat.

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Imām al-Tirmidhi dalam *'Abwāb al-Taḥārah*, pada bab siwak. Hadith ini menceritakan berkenaan Nabi saw memberi isyarat menegaskan umat islam agar membersihkan gigi dan mulut lebih-lebih lagi apabila hendak mendirikan solat lima waktu. Hadith ini adalah *Ḥasan Ṣaḥīḥ*.

(Al-Mubārakfūriy 1283H/1866M) 'Abū 'Īsā al-Tirmidhi telah berkata, hadith ini turut diriwayatkan oleh Muḥammad bin 'Ishāq, dari Muḥammad bin 'Ibrāhīm, dari 'Abī Salamah dari Zayd bin Khālid dari Nabi saw. Ini adalah jalan riwayat yang kedua. Kedua-dua hadith ini yang diriwayatkan oleh 'Abī Salamah dari 'Abū Hurairah dan Zayd bin Khālid adalah *ṣaḥīḥ* di sisi al-Imām al-Tirmidhi. Ada pun diantara dua riwayat ini, al-Imām al-Tirmidhi menyebut bahawa Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhāriy menyatakan riwayat 'Abī Salamah dari Zayd bin Khālid adalah lebih *'aṣaḥ* berbanding jalan riwayat 'Abū Hurairah.

(Al-Mubārakfūriy 1283H/1866M) menerangkan dalam kitabnya *Tuḥfat al-'Aḥwadhi* dengan menyebut al-Imām Ibn Ḥajar telah menyatakan dalam kitabnya *Fath al-Bāri* : telah dihikayatkan oleh al-

Imām al-Tirmidhi dari al-Imām al-Bukhāri bahawa beliau pernah bertanya berkenaan hadith ini antara riwayat Muḥammad bin ^CAmrū, dari ‘Abī Salamah, dari ‘Abī Hurairah dengan riwayat Muḥammad bin ‘Ibrāhīm, dari ‘Abī Salamah dari Zayd bin Khālid. Al-Imām Bukhāri telah menyebut bahawa riwayat Muḥammad bin ‘Ibrāhīm adalah lebih *‘aṣaḥ* berbanding riwayat Muḥammad bin ^CAmrū. al-Imām al-Tirmidhi juga turut menyebut bahawa kedua-dua jalan periwayatan hadith itu adalah *ṣaḥīḥ*. Al-Imām Ibn Hajar menyatakan lagi al-Imām al-Bukhāri telah mentarjihkan hadith yang diriwayatkan melalui jalan Muḥammad bin ‘Ibrāhīm sebagai lebih *‘aṣaḥ* atas sebab dua perkara. Pertama kerana padanya ada satu kisah yang mana diceritakan oleh ‘Abī Salamah bahawa Zayd bin Khālid selalu meletakkan siwaknya di telinga seperti diletakkan oleh seorang penulis di telinganya. Apabila mereka hendak mendirikan solat maka mereka akan mengambalnya untuk bersiwak. Sebab yang kedua pula ialah kerana pada riwayat ini terdapat *muttaba‘āt* iaitu riwayat ini juga turut diriwayatkan oleh al-Imām ‘Ahmad bin Hanbal melalui jalan riwayat Yahyā bin ‘Abī Kathīr menceritakan jalan riwayat yang sama iaitu dari ‘Abī Salamah dari Zayd bin Khālid.

Maka apa yang dapat kita simpulkan daripada penjelasan di atas, di antara dua riwayat itu, al-Imām al-Tirmidhi menghukum hadith yang diriwayatkan oleh Muḥammad bin ‘Ibrāhīm adalah lebih *‘aṣaḥ* kerana berpandukan tarjih yang dilakukan oleh al-Imām al-Bukhāri

c. Hadith yang dihukumkan *‘aṣaḥ* dan *‘aḥsan* di antara *Ḥasan Lidhātih* dengan *Ḥasan Lidhātih* seperti berikut :

حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ مَنْصُورٍ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ الْقَطَّانُ عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ قَالَ أَخْبَرَنِي أَبِي عَنْ بُسْرَةَ بِنْتِ صَفْوَانَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ مَسَّ ذَكَرَهُ فَلَا يُصَلِّ حَتَّى يَتَوَضَّأَ .

Bermaksud :

Telah menceritakan kepada kami ‘Ishāq bin Manṣūr berkata telah menceritakan kepada kami Yahyā bin Sa‘īd al-Qaṭṭān dari Hishām bin ^CUrwah telah berkata ayahku telah memberitahu dari Busrah binti Ṣafwān sesungguhnya Nabi saw telah bersabda : Barangsiapa yang menyentuh zakarnya maka janglah seseorang itu mendirikan solat sehinggalah dia berwudhu’.

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Imām al-Tirmidhi dalam *‘Abwāb al-Ṭahārah* pada bab *berwudū’* daripada menyentuh zakar. Hadith ini berkaitan Nabi saw menyebut orang yang *berwudū’* apabila menyentuh kemaluannya dilarang meneruskan solat sehinggalah ia *berwudū’*. Hadith ini adalah *Ḥasan Ṣaḥīḥ*.

‘Abū ^CIsā berkata dalam bab ini, hadith ini juga telah diriwayatkan dari ‘Ummu Ḥabībah, ‘Abī Ayyūb al-‘Anṣarī, ‘Abī Hurairah, anak perempuan ‘Unais, ^CAishah, Jābir, Zayd bin Khālid dan ^CAbdullah bin ^CAmrū.

Al-Imām al-Tirmidhi menyebut hadith ini juga turut diriwayatkan melalui dari beberapa jalan periwayatan yang sama iaitu dari Hishām bin ^CUrwah dari ayahnya dari Busrah binti Ṣafwān. Antara yang meriwayatkannya ialah ‘Abū ‘Usāmah dari Hishām bin ^CUrwah dari ayahnya dari Marwān dari Busrah binti Ṣafwān dari Nabi saw. Antara lainnya juga ialah dari Ishāq bin Manṣūr yang sanadnya sama seperti ‘Abū ‘Usāmah.

Hadith ini juga turut diriwayatkan oleh ‘Abū Zinād dari ^CUrwah dari Busrah binti Ṣafwān. Al-Imām al-Tirmidhi menyebut telah menceritakan kepada kami seperti itu dari ^CAli bin Ḥujr berkata telah menceritakan kepada kami ^CAbd al-Raḥmān bin ‘Abī Zinād dari ayahnya dari ^CUrwah dari Busrah binti Ṣafwān dari Nabi saw.

Al-Imām al-Tirmidhi menyebut al-Imām Muhammad bin ^CIsma‘īl al-Bukhāri menyatakan hadith Busrah adalah lebih *‘aṣaḥ* dalam bab ini. Melalui penelitian pengkaji, al-Imām al-Bukhāri menyatakan hadith yang diriwayatkan Busrah binti Ṣafwān adalah lebih *‘aṣaḥ* berbanding jalan periwayatan yang lain kerana didapati beberapa jalan periwayatan hadith ini sampai kepada Busrah antaranya seperti dari jalan periwayatan ‘Abū ‘Usāmah, Ishāq bin Manṣūr dan ‘Abū Zinād. Oleh kerana itu, melalui *tarjih* al-Imām Bukhāri ini, al-Imām al-Tirmidhi juga turut meletakkan hadith Busrah adalah lebih *‘aṣaḥ* dalam bab ini.

Berdasarkan perbincangan di atas, apa yang dapat penulis rumuskan berkenaan hadith tersebut al-Imām al-Tirmidhi menetapkan hadith Busrah binti Ṣafwān adalah lebih *‘aṣaḥ* berbanding dengan jalan periwayatan yang lainnya sepertimana yang dinyatakan oleh al-Imām al-Tirmidhi hadith ini turut di riwayatkan dari ‘Ummu Ḥabībah, ‘Abī Ayyūb al-‘Anṣarī, ‘Abī Hurairah, anak perempuan ‘Unais, ^CAishah, Jābir, Zayd bin Khālid dan ^CAbdullah bin ^CAmrū. Ada juga *muḥaddithīn* iaitu ‘Abū Zur‘ah menyatakan hadith ‘Ummu Ḥabībah dalam bab ini adalah hadith *Ṣaḥīḥ* iaitu melalui jalan periwayatan al-‘Alā’ bin al-Ḥārith dari Makhūl dari ^CAnbasah bin ‘Abī Sufyān dari ‘Ummu Ḥabībah. Akan tetapi, al-Imām al-Tirmidhi menyebut bahawa al-Imām al-Bukhāri menyatakan Makhūl tidak pernah meriwayatkan hadith dari ^CAnbasah bin ‘Abī Sufyān.

d. Hadith yang dihukumkan ‘aṣaḥ dan ‘aḥsan di antara Ḥasan Lighayrih dengan Ḥasan Lighayrih seperti berikut :

حَدَّثَنَا بَنْدَارٌ مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ وَعَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ مَهْدِيٍّ قَالَا : حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ سَلَمَةَ بْنِ كُهَيْلٍ عَنْ حُجْرِ بْنِ عَنَسٍ عَنْ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ قَالَ : سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَرَأَ ((غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ)) . فَقَالَ ((آمِينَ)) , وَمَدَّ بِهَا صَوْتَهُ .

Bermaksud :

Telah menceritakan kepada kami oleh Bundār Muhammad bin Bashār, telah menceritakan kepada kami oleh Yahyā bin Sa‘īd dan ‘Abd al-Raḥmān bin Mahdiyy telah berkata mereka berdua : telah menceritakan kepada kami oleh Sufyān dari Salamah bin Kuhail dari Ḥujr bin ‘Anbas dari Wā’il bin Ḥujr telah berkata : Aku telah mendengar dari Nabi saw pernah membaca ((غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ)) lalu menyebut ((آمين)) . Dan Nabi saw memanjangkan suaranya.

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Imām al-Tirmidhi dalam ‘*Abwāb al-Ṣolāh* dalam bab pada menyatakan tentang menyebut ‘*Āmīn*. Hadith ini membicarakan berkenaan selesai Nabi saw membaca *al-Fātiḥah* dalam solat, Nabi saw menyebut ‘*āmīn* dan beliau memanjangkan suara ketika menyebutnya. Hadith ini adalah hadith Ḥasan.

Imam al-Tirmidhi juga menyebut terdapat jalan kedua periwayatan hadith ini yang sama seperti jalan periwayatan Sufyān al-Thauri iaitu dari Shu‘bah seperti berikut :

وَرَوَى شُعْبَةُ هَذَا الْحَدِيثُ عَنْ سَلَمَةَ بْنِ كُهَيْلٍ عَنْ حُجْرِ أَبِي الْعَنْبَسِ عَنْ عَلْقَمَةَ بْنِ وَائِلٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَرَأَ ((غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ)) فَقَالَ ((آمِينَ)) وَخَفِضَ بِهَا صَوْتَهُ .

Bermaksud :

Dan telah meriwayatkan hadith ini oleh Shu‘bah dari Salamah bin Kuhail dari Ḥujr ‘Abī al-‘Anbas dari ‘Alqamah bin Wā’il dari ayahnya sesungguhnya Nabi saw pernah membaca ((غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ)) lalu baginda menyebut ((آمين)) . Dan baginda memanjangkan suaranya.

‘Abu ‘Isā al-Tirmidhi menyebut beliau pernah mendengar terus daripada gurunya Imam al-Bukhāri menyebut bahawasanya dalam bab ini hadith melalui periwayatan Sufyān al-Thauri adalah lebih ‘*aṣaḥ* berbanding hadith yang diriwayatkan oleh Shu‘bah dalam bab ini. Al-Mubārakfūriy (1283H/1866M) mensyarahkan apa yang telah disebut oleh al-Imām al-Tirmidhi dalam kitabnya *Tuḥfat al-‘Aḥwadhīy* terhadap penilaian hadith Sufyān adalah lebih ‘*aṣaḥ* berbanding hadith Shu‘bah dengan katanya, terdapat tiga perbezaan yang terdapat pada jalan periwayatan Shu‘bah dalam hadith ini berbanding jalan periwayatan Sufyān dan didapati Shu‘bah melakukan kesalahan pada tiga perkara tersebut sepertimana juga yang telah disebut oleh al-Imām al-Bukhāri seperti yang dinaqalkan oleh al-Imām al-Tirmidhi.

Antara kesalahan yang telah dilakukan oleh Shu‘bah, pertama Shu‘bah menyebut beliau meriwayatkan hadith ini daripada Ḥujr ‘Abī al-‘Anbas sedangkan dalam riwayat Sufyān menyebut beliau meriwayatkannya dari Ḥujr bin al-‘Anbas bukannya dengan menyebut Ḥujr ‘Abī al-‘Anbas. Beliau juga menyebut *kunyah* كنية bagi Ḥujr adalah ‘Abī al-‘Anbas atau dengan kata lainnya Shu‘bah menyebut Ḥujr merupakan ayah kepada al-‘Anbas. Al-Imām al-Bukhāri telah menegaskan sepertimana yang dinyatakan oleh al-Imām al-Tirmidhi bahawa *kunyah* yang dinyatakan oleh Shu‘bah iaitu ‘Abū al-‘Anbas adalah tidak tepat kerana Ḥujr bukannya ayah kepada al-‘Anbas. *Kunyah* yang sebetulnya terhadap Ḥujr bin al-‘Anbas ialah ‘Abū al-Sakan.

Kesalahan kedua pada riwayat Shu‘bah ialah apabila beliau telah menambah seorang lagi *rāwīy* dalam riwayatnya iaitu ‘Alqamah bin Wā’il diantara Ḥujr bin al-‘Anbas dan juga Wā’il bin Ḥujr. Sedangkan dalam riwayat Sufyān al-Thauriy tidak terdapat *rāwīy* yang bernama ‘Alqamah bin Wā’il.

Kesalahan yang ketiga telah dibahas secara dalam oleh Mubārakfūriy dalam kitabnya *Tuḥfat al-‘Aḥwadhī* dengan membuat perbandingan di antara kedua-dua *rāwīy* ini iaitu Sufyān al-Thauriy dan Shu‘bah. Secara umumnya, penulis ringkaskan perbincangan tersebut untuk hanya lebih kepada kefahaman.

Para *muhaddithīn* telah menilai kedua *rāwīy* ini adalah *thiqah* dan *ḥāfiẓ*. Berlangsung perbincangan di kalangan *muhaddithīn* berkenaan dua *rāwīy* ini, manakah di antara keduanya pernah melakukan kesalahan

dalam periwayatan. Adakah Sufyān al-Thauri atau Shu'bah? Mubārakfūriy menyebut penisbahan kesalahan dalam periwayatan terarah kepada Shu'bah bukan kepada Sufyān. Terdapat empat pandangan *muhaddithīn* berkenaan penisbahan kesalahan terhadap Shu'bah.

Pandangan pertama, Shu'bah dikatakan sering melakukan kesalahan yang banyak pada menyebut nama-nama *rijāl* dalam riwayatnya tetapi tiada berlakunya pada Sufyān dalam periwayatannya. al-Hāfiz Ibn Hajar menyebut dalam kitabnya *Tahdhīb al-Tahdhīb* dalam *Tarjumah Shu'bah* menyebut, Shu'bah adalah seorang yang dinilai sebagai *thiqah* dalam hadith, akan tetapi sedikit sahaja beliau melakukan kesalahan dalam menyebut nama-nama *Rijāl*. Ibn Hajar juga telah menaqqalkan daripada al-Imām 'Abū Dāwud yang mana beliau juga menyatakan perkara yang sama. Al-Dāraqutniy juga menyebut dalam *ʿIlal*, Shu'bah adalah seorang yang banyak melakukan kesalahan ketika menyebut nama-nama *rijāl* atas kesibukannya menghafaz matan-matan hadith.

Pandangan kedua, Mubārakfūriy menyatakan Shu'bah adalah orang yang disyak dalam sanad-sanad dan matan-matan hadith yang diriwayatkan oleh beliau. Pandangan ketiga pula menyebut Shu'bah dan Sufyān keduanya bukan golongan perawi yang *syak* kerana kedua mereka di *muhaddithīn* terkenal sebagai perawi yang *thiqah* dan *hāfiz*. Akan tetapi Sufyān terkenal di sisi *muhaddithīn* sebagai *'ahfaz*.

Pandangan keempat, para *muhaddithīn* menyebut Shu'bah meriwayatkan hadith ini secara *tafarrud* atau bersendirian, berbeza dengan Sufyān. Terdapat beberapa orang perawi juga meriwayatkan hadith ini melalui jalan periwayatan yang sama seperti al-ʿAllā'a bin Ṣolih, ʿAlī bin Ṣolih, dan Muḥammad bin Salamah iaitu mereka menyebut meriwayatkan daripada Hujr bin al-ʿAnbas bukannya Hujr 'Abī al-ʿAnbas seperti yang diriwayatkan oleh Shu'bah.

Kesimpulannya, berdasarkan perbincangan antara dua riwayat hadith tersebut penulis dapat menilai kenapa al-Imām al-Tirmidhi menyatakan hadith Sufyān adalah lebih *'aṣaḥ* berbanding hadith Shu'bah. Hujjah utama hadith Shu'bah ditolak adalah kerana terlalu banyak kritikan *muhaddithīn* terhadap Shu'bah dari sudut hafazan beliau pada nama-nama *Rijāl* atau rawi-rawi hadith juga tidak terkecuali dalam menghafaz matan-matan. Walaupun begitu, secara umumnya Shu'bah telah dinilai di sisi *muhaddithīn* sebagai seorang yang *thiqah* dan *hāfiz*.

e. Hadith yang dihukumkan *'aṣaḥ* dan *'ahsan* di antara *Da'if* dengan *Da'if* seperti berikut :

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ غَيْلَانَ، حَدَّثَنَا الْمُقْرِيُّ قَالَ : أَخْبَرَنَا يَحْيَى بْنُ أَبِي بُرَيْدٍ عَنْ زَيْدِ بْنِ جَبْرِ عَنْ دَاوُدَ بْنِ الْحُصَيْنِ عَنْ نَافِعِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى أَنْ يُصَلِّيَ فِي سَبْعَةِ مَوَاطِنَ : فِي الْمَرْبَلَةِ وَالْمَجَزَّةِ وَالْمَقْبَرَةِ وَقَارِعَةَ الطَّرِيقِ وَفِي الْحَمَامِ. وَفِي مَعَاظِنِ اللَّيْلِ، وَفَوْقَ ظَهْرِ بَيْتِ اللَّهِ. ((

Bermaksud :

Telah menceritakan kepada kami oleh Maḥmūd bin Ghailān, telah menceritakan kepada kami al-Muqri' dia telah berkata : Telah memberitahu pada kami Yaḥyā bin 'Ayyūb dari Zayd bin Jabīrah dari Dāwūd bin al-Ḥuṣain dari Nāfi' dari Ibn ʿUmar : Sesungguhnya Nabi saw melarang seseorang itu mendirikan solat pada tujuh tempat : tempat buangan sampah, di tempat sembelihan, di atas kubur, di laluan jalanan, di bilik mandi, di tempat rehat unta dan di atas Baitullah.

Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Imām al-Tirmidhi dalam *'Abwāb al-Ṣolāt* pada bab menyatakan tempat yang dilarang untuk menunaikan solat padanya. Berdasarkan hadith ini, terdapat tujuh tempat yang dihukumkan makruh untuk kita menunaikan padanya. Hadith ini telah dinilai oleh al-Imām al-Tirmidhi sebagai hadith *da'if* kerana sanadnya tidak kuat. Seorang perawi pada hadith ini iaitu Zayd bin Jabīrah yang dipertikai di sisi *muhaddithīn* pada daya hafazan hadithnya. Al-Imām al-Tirmidhi juga menyatakan terdapat riwayat kedua hadith ini iaitu yang telah diriwayatkan oleh al-Laith bin Sa'ad dari ʿAbdullah bin ʿAmrū al-ʿUmariy dari Nāfi' dari Ibn ʿUmar dari ʿUmar al-Khaṭṭāb dari Nabi saw. Hadith Ibn ʿUmar adalah lebih *'aṣaḥ wa 'ahsan* berbanding hadith al-Laith bin Sa'ad.

(Al-Mubārakfūriy 1283H/1866M) menerangkan kembali kenyataan al-Imām al-Tirmidhi dalam kitabnya *Tuhfat al-Aḥwadhīy* tentang status kedua-dua jalan periwayatan hadith ini dan kedua-dua *rāwīy* tersebut. Ada pandangan yang menyatakan hadith al-Laith adalah lebih *'aṣaḥ* berbanding hadith Ibn Jabīrah sepertimana yang disebut dalam *Kitāb al-Nayl al-ʿAṭar*. Ini merupakan satu *khilāf* yang amat ketara kerana berdasarkan penilaian majoriti ulama hadith, hadith Ibn ʿUmar dari Nabi saw yang diriwayatkan melalui jalan Zayd bin Jabīrah dari Dāwūd bin al-Ḥuṣain dari Nāfi' adalah lebih *'aṣaḥ* dan *'ahsan* berbanding hadith al-Laith bin Sa'ad dari ʿAbdullah bin ʿUmar al-ʿUmariy dari Nāfi' dari Ibn ʿUmar dari ʿUmar al-Khaṭṭāb dari Nabi saw. Ini bermaksud hadith Ibn Jabīrah adalah *'ahsan* statusnya dan kurang kecacatannya berbanding hadith al-

Laith bin Sa'ad, sedang telah diketahui oleh *muḥaddithīn* bahawa kedua-dua hadith itu adalah hadith *ḍa'īf*.

Kemudiannya, hadith yang diriwayatkan melalui jalan periwayatan al-Laith bin Sa'ad terdapat *rāwiy* keduanya dinilai oleh *muḥaddithīn* adalah lemah iaitu ^ᶜAbdullah bin ^ᶜUmar al-^ᶜUmariy sepertimana yang dinyatakan oleh al-Imām al-Tirmidhi. (Al-Mubārakfūriy 1283H/1866M) menerangkan kenyataan al-Imām al-Tirmidhi tersebut dengan menaqqalkan beberapa pandangan *muḥaddithīn* tentang penilaian mereka terhadap al-^ᶜAbdullah bin ^ᶜUmar al-^ᶜUmariy. Antaranya, berkata al-Hāfiz Ibn Hajar al-^ᶜAsqalāni dalam *al-Taqrīb* beliau adalah seorang yang lemah dalam hadith. Al-Imām al-Dhahabiy pula menyebut dalam *al-Mīzān* beliau seorang benar dalam hafazannya, diriwayatkan dari Nāfi^ᶜ dan *muḥaddithīn* lainnya seperti riwayat dari 'Ahmad bin 'Abī Maryam dari Ibn Ma'tīn bahawa beliau seorang yang buruk dalam penulisan hadithnya. Dan berkata pula al-Dārimiy beliau pernah bertanya kepada Ibn Ma'tīn tentang Nafi^ᶜ, Ibn Ma'tīn menyatakan Nafi^ᶜ adalah seorang yang *ṣāliḥ* dan *Thiqah*. Pertanyaan al-Dārimiy itu bermaksud untuk mendapat kepastian kritikan yang telah dibuat oleh Nāfi^ᶜ terhadap ^ᶜAbdullah bin ^ᶜUmar al-^ᶜUmariy. Al-Fallās juga menyebut bahawa Yahyā al-Qaṭṭān tidak mahu membicarakan tentang al-^ᶜUmariy, al-Imām Ahmad bin Ḥanbal pula menyebut beliau seorang yang *ṣāliḥ* dan tidak mengapa. Al-Imām al-Nasā'iy pula menyebut beliau seorang yang dinilai tidak kuat dalam periwayatan hadith dan telah berkata pula al-Madiniy ^ᶜAbdullah bahawa beliau seorang yang lemah dalam hadith. Ibn Ḥibbān juga menyebut bahawa beliau seorang yang lalai dalam hafazannya sehingga bercampur di antara *al-akḥbār* dan *al-āthār*.

5. Kesimpulan

Kitāb Jāmi' al-Tirmidhi ini merupakan warisan yang bernilai kerana telah merentasi lapangan hadith dengan mendatangkan manhaj yang baru pada zamannya dalam penggunaan istilah-istilah baru dalam hukum hadith. Hasil dapatan kajian ini, setiap hadith yang dimuat naik oleh beliau sekiranya terdapat riwayat yang terbaik dalam sesuatu bab itu, maka Imam al-Tirmidhi akan mendatangkan riwayat yang lainnya dalam bab yang sama bahawa itu adalah hadith yang terbaik dijadikan sandaran atau hujah di sisi beliau sama ada hadith yang diutarakan itu bertaraf *ṣaḥīḥ* atau *ḥasan* atau *ḍa'īf*. Hadith yang terbaik itu dijadikan sandaran atau penentuan di sisi al-Imām al-Tirmidhi lalu dihukumkan oleh beliau dengan istilah *'Aṣaḥ wa 'Aḥsan*. Melalui dapatan ini juga, pengkaji telah melakukan tambah nilai baru dengan mewujudkan klasifikasi hadith *'aṣaḥ wa 'aḥsan* dalam *Jāmi' al-Tirmidhi*. Kesemua pembahagian telah pengkaji klasifikasikan dan jelaskan bersama contoh-contoh yang telah diimplementasikan oleh *al-Imām al-Tirmidhi* dalam *Jāmi'nya*.

RUJUKAN

Ahmad Muhammad Shakir, al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ

Abdul Latif Bin Abdul Haliff. 2008. *Metodologi al-Imam al-Tirmidhi r.a dalam kitab al-Shamāil al-Muhammadiyah*. Latihan Ilmiah. Jabatan al-Quran dan al-Hadith Bahagian Pengajian Usulludin, Universiti Malaya.

Ahnaf Wafi bin Alias. 2015. *Metodologi Imam al-Tirmidhi Dalam Menerangkan Masalah Khilaf Fiqhi*. Tesis Master Jabatan al-Quran Dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia

Ahamad Asmadi bin Sakat Dan Latifah binti Abdul Majid. 2010. *Kewibawaan Muhammad Idris al-Marbawiy Dalam Memahami Beberapa Manhaj Imam al-Tirmidhi Dalam Kitab Bahr al-Mādhi*, Prosiding Seminar Serantau Ilmuan Hadith Dalam Peradaban di Alam Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahamad Asmadi Bin Sakat dan Wan Nasyruddin Bin Wan Abdullah. 2007. Seminar al-Sunnah dan Isu-Isu Semasa Peringkat Kebangsaan: *Metodologi al-Imam al-Tirmidhi dalam meriwayatkan hadith-hadith yang menunjukkan Bab Tertentu*. Bangi: Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Asmadi Bin Sakat. 1998. *Metodologi al-Imam al-Tirmidhi dalam Kitab Sunannya (Jāmi'nya): Kajian Perbandingan dengan Metodologi Sunan Ibn Majah*. Tesis Master Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahamad Asmadi Bin Sakat. 2007. *Jurnal Islamiyyat Jil 29: Jenis dan Istilah dalam Jāmi' al-Tirmidhi: Satu Kajian*. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Albānī, Muhammad Nāṣir al-Dīn. 1991/1411H. *Ḍa'īf Sunan al-Tirmidhi*, Beirut al-Maktab al-Islāmiy.

Al-Albānī, Muhammad Nāṣir al-Dīn. 1990/1411H. *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhi*, Beirut al-Maktab al-Islāmiy.

- Al-^CAsqalāniy. ‘Abu al-Faḍl ‘Ahmad Bin ^CAli Bin Muhammad bin ‘Ahmad bin Hajar. 1326H/1908. *Tahdhīb al-Tahdhīb*. Jil.9. Hind: Maṭba‘ah Dāirah al-Ma‘arīf al-Nizāmiyyah.
- Al-Dhahabiy. Shams al-Dīn ‘Abū ^CAbdullah Miḥammad bin ‘Ahmad bin ^CUthmān. 1382H/1963. *Mizān al-Fitdāl fī Naqd al-Rijāl*. Jil.3. (pnyt) ^CAli Muḥammad al-Bajāwiyy. Lubnan: Dār al-Ma‘arifah li al-Tib‘ahwa al-Nashr.
- Al-Khandahlawiy. Muhammad Zakariyya. 1395H/1975. *Muqaddimah al-Kawkab al-Durriyy ^CAlā Jāmi‘ al-Tirmidhi*. India: Maṭba‘ah Nadwah ^CUlamā’.
- Al-Mubārakfūriyy. ‘Abū al-^CAlā Muḥammad ^CAbd al-Raḥmān bin ^CAbd al-Rahīm. T.th. *Tuhfat al-‘Aḥwadhīy bi Sharḥ Jāmi‘ al-Tirmidhi*. Beirut: Dār al-Kutub al-^CIlmiyyah.
- Al-Naisabūriyy. ‘Abū al-Ḥasan Muslim bin al-Ḥajjāj. T.th. *al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar Bi Naql al-^CAdl ‘Ilā Rasūlillah Ṣallallah ^CAlaih Wasallam*. Jil.2. (pnyt). Muḥammad Fuād ^CAbd al-Bāqī. Beirut Dār ‘Ihyā’ al-Turāth al-^CArabiyy.
- Nūr al-Dīn ^CItr. 1408H/1988. *Imam al-Tirmidhi wa al-Mawāzanah Bayna Jāmi‘ihi wa Bayna al-Ṣaḥīhain*. Beirut: Muassah Risalah.
- Nūr al-Dīn ^CItr. 1390H/1970. *Imam al-Tirmidhi wa al-Mawāzanah Bayna Jāmi‘ihi wa Bayna al-Ṣaḥīhain*. Kaheerah: Maṭba‘ah Lujnah al-Ta’līf wa al-Tarjamah wa al-Nashr.
- Nūr al-Dīn ^CItr. 1418H/1997. *Manhaj al-Naqd Fī ^CUlūm al-Ḥadīth*. Syria: Dār al-Fikr Dimashq.
- Siti Mursyidah binti Mohd Zin. 2016. *Analisis Ijmā‘ Dalam al-Tarjamah al-Mursalalah Menurut Jāmi‘ al-Tirmidhi*. Tesis Master Jabatan al-Quran Dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Suyūṭiy. ^CAbd al-Raḥmān bin ‘Abī Bakr Jalāl al-Dīn. 2009. *Tadrīb al-Rāwiyy fī Sharḥ Taqrīb al-Nawawīyy*. (pnys.) ^CAbd al-Raḥmān al-Muḥammadiyy. Beirut: Dār al-Kutub al-^CIlmiyyah